



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada Syarikat / Kontraktor yang berpengalaman serta berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berkaitan dengan pendaftaran yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk membuat tawaran bagi sebut harga perkhidmatan berikut: -

NO. SEBUT HARGA	PERIHAL SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN / TARIKH MULAI DIJUAL
MAIJ 3/901/2 (01/2026)	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PEJABAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI IBU PEJABAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR DAN PEJABAT SEKITAR BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN	Syarikat / Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih berkuatkuasa di bawah Kod Bidang: 221001 (Pembersihan Bangunan dan Pejabat)	RM30.00 23 FEBRUARI 2026 (ISNIN)
MAIJ 3/901/2 (02/2026)	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PEJABAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PEJABAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR DAERAH JOHOR BAHRU BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN	Syarikat / Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih berkuatkuasa di bawah Kod Bidang: 221001 (Pembersihan Bangunan dan Pejabat)	RM30.00 23 FEBRUARI 2026 (ISNIN)

1. Sila bawa **DOKUMEN ASAL** dan **SESALINAN** iaitu **Surat Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) beserta Sijil Pendaftaran Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**. Jika syarikat / kontraktor menghantar wakil untuk urusan pembelian dokumen, wakil syarikat / kontraktor tersebut **DIWAJIBKAN** membawa bersama **Surat Perwakilan Syarikat** dan **Cap Syarikat** sebagai bukti. Pihak MAINJ berhak menolak pembelian dokumen sebut harga tersebut sekiranya dokumen-dokumen yang diperlukan di atas tidak dikemukakan dengan sempurna.
2. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat di **Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Tingkat 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor** dari jam 9.00 pagi – 1.00 petang, 2.00 – 4.00 petang (Isnin hingga Khamis) dan 9.00 pagi – 12.00 tengah hari, 2.45 – 4.00 petang (Jumaat).
3. Bayaran bagi pembelian dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank (DIGALAKKAN)** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau; kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpaling (*postal order*), dan dibayar atas nama "**BAITULMAL JOHOR**."



4. **TARIKH TUTUP SEBUT HARGA: 2 MAC 2026 (ISNIN)** pada / sebelum jam 12.00 tengah hari. Dokumen dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis **No. Sebut Harga dan Perihal Sebut Harga** di sudut **sebelah kiri** sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Tingkat 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru.**
5. Syarikat / Kontraktor juga boleh mengemukakan **Penyata Zakat Tahunan** dan **Resit Bayaran Zakat Terkini** bagi syarikat atau individu (sekiranya ada).
6. Pihak MAINJ tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Sebut Harga.
7. Syarikat / Kontraktor hendaklah menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
8. Mana-mana Syarikat / Kontraktor yang tidak menerima surat tawaran / panggilan daripada Pihak MAINJ dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap tidak berjaya.

Dengan perintah,

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Negeri Johor

